



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



LAPORAN PEPERIKSAAN

STPM

Perakaunan (948)

2024

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 1719 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 53.28% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.76	5.58	5.64	5.76	7.97	8.44	6.46	6.46	5.18	5.41	29.67

RESPONS CALON

KERTAS 948/1 (PERAKAUNAN KEWANGAN)

Komen am

Mutu jawapan keseluruhan adalah memuaskan. Sebilangan kecil calon dapat merancang jawapan dengan baik dan menjawab mengikut kehendak soalan. Namun begitu, seperti tahun sebelumnya, soalan kualitatif pada setiap soalan tidak dapat dijawab oleh calon dengan tepat.

Contoh soalan kualitatif yang tidak dapat dijawab dengan tepat dan jelas ialah soalan 1(a), yang meminta calon menyatakan jenis kesilapan, soalan 2(b)(ii) memerlukan calon memberi dua faktor pemilihan kaedah susut nilai, soalan 3(a) menghendaki calon memerihalkan agihan keuntungan koperasi seperti dalam Seksyen 57, Akta Koperasi 1993, soalan 4(a) memerlukan calon menyatakan dua rekod bagi menentukan untung atau rugi dalam amalan rekod tak lengkap menggunakan kaedah analisis, dan seterusnya soalan 5(c)(ii) calon perlu memberi empat cadangan mengatasi kelemahan kawalan dalaman berdasarkan situasi yang diberikan. Tiada calon yang memperoleh markah penuh bagi setiap soalan kualitatif yang tersebut.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan jenis kesilapan dan menentukan sama ada kesilapan itu menjejaskan keseimbangan imbangan duga atau tidak. Majoriti calon tersilap menaksir soalan dengan menyatakan kesilapan yang wujud merupakan kesilapan ketara atau kesilapan tak ketara. Terdapat ramai calon yang mengulang semula soalan seperti contoh kesalahan yang berikut:

Situasi: (i) *Belian alat tulis berjumlah RM210 yang telah direkod sebagai belanja utiliti.*

Contoh jawapan calon	Kesilapan calon
Calon 1: Kesilapan tidak ketara	Menyatakan jenis kesilapan secara umum. Soalan memerlukan jenis kesilapan tidak ketara.
Calon 2: Kesilapan merekod alat tulis sebagai belanja utiliti.	Mengulang semula situasi soalan.
	Kesilapan Komisen – tidak menjejaskan

Jawapan yang sepatutnya ialah kesilapan komisen yang tidak menjejaskan.

Selain daripada kesilapan yang di atas, terdapat juga kesilapan calon dalam menyatakan jenis kesilapan dengan tepat seperti yang di bawah:

Situasi	Contoh kesilapan jawapan calon	Jawapan yang sepatutnya
(i)	Salah masuk akaun lejar	Kesilapan komisen
(ii)	Silap rekod nama akaun	Kesilapan prinsip
(iii)	- Kesilapan ketinggalan catatan - Tinggal catatan - ketinggalan	kesilapan ketinggalan satu urusan niaga
(iv)	Kesilapan catatan sebelah debit dan kredit	Kesilapan songsang
(v)	Kesilapan seimbang	kesilapan saling mengimbangi

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyediakan jurnal pelarasan bagi membetulkan kesilapan urusan niaga berdasarkan jawapan di (a). Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan tepat dan jelas serta menulis keterangan bagi setiap jurnal. Namun begitu masih ada sebilangan kecil calon yang melakukan kesalahan seperti yang berikut:

1. Mengubah nama akaun lain bagi akaun yang telah wujud dalam soalan, seperti "alat tulis" menjadi bekalan alat tulis, atau belanja alat tulis. Perkara yang sama dilakukan juga bagi "derma" menjadi pemberian derma atau derma diberi.
2. Menggunakan kata singkatan ABT bagi akaun belum terima, dan ABB bagi akaun belum bayar.
3. Terdapat calon yang menyediakan catatan jurnal pelarasan menggunakan item atau butiran akaun yang kurang tepat, seperti belanja sewa ditulis sebagai sewa sahaja. Oleh yang demikian, kesilapan seperti ini menyebabkan calon kehilangan markah. Bagi setiap butiran seperti sewa, diskaun, faedah dan komisen yang boleh menjadi belanja atau hasil mengikut cara ia wujud, maka butiran itu wajib dinyatakan dengan jelas sama ada butiran itu ialah belanja atau hasil.
4. Tidak menulis keterangan bagi setiap catatan jurnal pelarasan.

Jawapan calon bagi bahagian (b) sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Bil	Butiran	Debit	Kredit
(i)	Alat Tulis Belanja utiliti (Merekod pembetulan kesilapan prinsip)	RM210	RM210
(ii)	Belanja baik pulih premis Premis perniagaan (Merekod pembetulan kesilapan prinsip)	RM2,500	RM2,500
(iii)	Bank/ Tunai Faedah simpanan tetap (Merekod pembetulan kesilapan ketinggalan urus niaga)	RM1,100	RM1,100
(iv)	Derma (RM2,000 $\times$ 2) Bank/ tunai (Merekod pembetulan kesilapan songsang)	RM4,000	RM4,000
(v)	Akaun belum terima Akaun belum bayar (Merekod pembetulan kesilapan saling mengimbangi)	RM800	RM800

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. Kebanyakan calon dapat menyediakan format penyata pendapatan komprehensif dengan tepat. Namun begitu, calon kehilangan markah disebabkan oleh penggunaan nama akaun yang salah atau amaun yang dihitung tidak tepat serta tidak menunjukkan jalan kerja bagi angka yang dihitung. Majoriti calon memberikan jawapan dengan untung kasar yang tepat seperti diberi dalam soalan. Namun demikian, untung bersih yang diperolehi oleh semua calon adalah tidak tepat kerana kesilapan yang berikut:

1. Butiran belanja sewa yang tidak mengambil kira tempoh 11 bulan, iaitu RM16,500.
2. Belanja hutang ragu yang tidak mengambil kira tambahan dalam akaun belum terima sebanyak RM800, iaitu $RM555 [(RM21,400 + RM800) \times 2.5\%]$.
3. Belanja susut nilai premis tidak mengambil kira belanja baik pulih sebanyak RM2,500 seperti ini $[(RM78,500 - RM2,500) \times 10\%,]$. Jawapan yang sepatutnya ialah RM7,600.
4. Mengelaskan derma RM2,000 pada bahagian hasil dan mengelaskan faedah simpanan tetap RM1,100 dalam item belanja. (Derma merupakan item belanja dan faedah simpanan tetap merupakan item hasil).
5. Tidak dapat memberi jawapan untung bersih yang tepat, iaitu RM56,095.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan. Kesilapan yang dilakukan oleh kebanyakan calon ialah meletakkan simpanan tetap dibawah kategori aset semasa. Majoriti calon juga tidak dapat menghitung nilai baki tunai dan setara tunai yang tepat kerana tidak mengambil kira pertambahan RM1,100 bagi faedah simpanan tetap dan pengurangan RM4,000 bagi derma. Kesilapan juga berlaku pada susut nilai terkumpul dan nilai kos premis menyebabkan nilai buku premis tidak tepat. Calon juga perlu menggunakan istilah *sewa prabayar* bagi amaun RM1,500 yang perlu diletakkan di bawah kategori aset semasa. Calon tidak boleh menggunakan istilah belanja sewa terdahulu atau belanja sewa prabayar. Istilah belanja hanya digunakan untuk penyata pendapatan

komprehensif sahaja dan nama akaun dalam catatan jurnal. Jawapan yang sepatutnya bagi penyata kedudukan kewangan adalah seperti yang berikut:

Kini Maju Enterprise
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	RM	RM	RM
Harta tanah loji dan peralatan	Kos	SNT	NBB
Premis perniagaan	76,000	33,670	42,330
Simpanan tetap			50,000
			92,330
Aset samasa			
Inventori		18,900	
Akaun belum terima	22,200		
(-) Peruntukan Hutang Ragu	555		
		21,645	
Tunai dan setara tunai		30,560	
Sewa terdahulu/pra bayar		1,500	
		72,605	
Liabiliti Semasa			
Akaun belum bayar		56,200	
Aset semasa bersih			16,405
			108,735
Ekuiti pemilik			
Modal (44,600 + 10,340)			54,940
(+) Untung bersih			56,095
			111,035
(-) Ambilan			2,300
			108,735

Soalan 2

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menyediakan penyata penyesuaian bank bagi bulan Mac 2023 dengan menggunakan kaedah penyelarasan kedua-dua penyata bank dan buku tunai. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan bahagian ini dengan baik kerana tidak mengikut kehendak soalan. Kesilapan besar kebanyakan calon adalah mengemas kini baki tunai dengan menyediakan buku tunai terselaraskan, kemudian baharu calon menyediakan penyata penyesuaian bank bermula dengan baki terlaras buku tunai.

Hasil dapatan pemeriksa menunjukkan masih terdapat sebahagian besar pusat peperiksaan yang calonnya secara total, masih menunjukkan buku tunai terselaraskan dalam skrip jawapan mereka. Laporan ini diharap mendapat maklum balas dan tindakan yang wajar daripada pihak sekolah.

Selain daripada kesilapan yang tidak akur kepada format, calon juga melakukan kesilapan lain seperti yang berikut:

1. Mengambil baki awal di buku tunai, iaitu RM570 sebagai baki buku tunai belum terlaras, sepatutnya calon mengambil baki akhir, iaitu (RM3,124), perlu ditulis kurungan kerana bank berbaki overdraf.
2. Tidak membuat tanda kurungan bagi baki kredit di buku tunai dan baki debit di penyata bank, menyebabkan calon silap dalam menghitung baki terlaras.
3. Salah meletakkan butiran pada bahagian buku tunai dan penyata bank. Misalnya butiran item buku tunai diletak dibahagian butiran penyata bank dan sebaliknya.
4. Tidak menyediakan format penyata penyesuaian bank dengan lengkap, seperti tidak menulis tajuk penyata, susunan penyata terbalik (butiran tolak diletak di bahagian atas manakala butiran tambah diletak dibahagian bawah).

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Bank Syarikat Mudah Dapur Sdn Bhd Penyata Penyesuaian pada 31 Mac 2023		
	RM	RM
Baki Buku Tunai		(3,124)
Tambah: Transaksi atas talian	2,500	
Kesilapan catatan	300	2,800
		(324)
Tolak: Caj bank	24	
Arahan bank	900	924
Baki buku tunai terselaras		(1248)
Baki seperti Penyata Bank		(5,894)
Tambah: Deposit belum dikreditkan	196	
Kesilapan bank – cek pelanggan (423460)	10,000	10,196
		4,302
Tolak Cek belum dikemukakan:		
(123458)	4,150	
(123460)	1,400	5,550
Baki Penyata Bank terselaras		(1,248)

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal pelarasan bagi penyesuaian di buku tunai. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik kerana gagal memberikan butiran akaun yang tepat semasa menyediakan catatan bergu.

Contoh kesilapan itu ialah calon menggunakan butiran akaun yang ditulis sebagai ‘transaksi atas talian’, ‘arahan bank-sewa’ dan ‘nombor cek’. Sepatutnya calon menggunakan butiran “nama-nama akaun” yang terlibat dalam urus niaga tersebut, seperti jualan, penghutang, belanja sewa dan belanja gaji di catatan jurnal. Ada juga calon yang menulis butiran ‘tunai’ yang mana tidak diterima kerana penyata penyesuaian bank merupakan transaksi atau urus niaga yang berkaitan bank sahaja. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Bil	Butiran	Debit	Kredit
(i)	Bank Jualan (Merekod penerimaan dari penghutang)	2,500	2,500
(ii)	Bank Belanja gaji (Merekod pembetulan kesilapan)	300	300
(iii)	Caj bank Bank (Merekod caj bank)	24	24
(iv)	Belanja sewa Bank (Merekod bayaran belanja sewa)	900	900

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menyatakan **tiga** tujuan penyata penyesuaian bank disediakan. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat dan mendapat markah yang baik kerana dapat memberikan tiga daripada pilihan jawapan seperti yang berikut :

1. Menyelaraskan baki di penyata bank dan baki di buku tunai.
2. Menentukan baki tunai yang sebenar.
3. Mengesan kesilapan catatan dan mengelakkan penyelewengan.
4. Mengemaskini buku tunai.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung susut nilai terkumpul bagi kenderaan dan kelengkapan pada 31 Disember 2023. Majoriti calon menggunakan rumus yang tepat bagi kedua-dua kaedah susut nilai. Namun begitu masih terdapat ramai calon yang membuat kesilapan semasa menghitung belanja susut nilai dengan menggunakan kaedah garis lurus. Calon tidak mengira tempoh 5 bulan usia guna (bulan Ogos hingga Disember) semasa tahun perolehan seperti yang berikut:

Kenderaan (kaedah aktiviti)	Kelengkapan (kaedah garis lurus)
$= (RM510,000 - RM30,000) \times \frac{300,000 \text{ km}}{65,000 \text{ km}}$ $= \text{RM104,000}$	Belanja susut nilai tahun 2020 $= (RM850,000 - RM50,000) / 8 \times 5/12$ $= RM41,667$ Belanja susut nilai tahun 2021 hingga 2023 $= (RM850,000 - RM50,000) / 8 \times 3 \text{ tahun}$ $= RM300,000$ Jumlah susut nilai $= RM41,667 + RM300,000 = \text{RM341,667}$

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon memberikan **dua** faktor mendorong pemilihan kaedah susut nilai. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang sepatutnya seperti yang berikut:

1. Jenis aset tetap
2. Kegunaan aset tetap

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan memerihalkan agihan keuntungan koperasi seperti yang terkandung dalam peruntukan Seksyen 57, Akta Koperasi 1993.

Kebanyakan calon adalah memberikan jawapan seperti yang berikut dan jawapan ini tidak diterima:

1. Pembahagian Rizab Berkanun
2. Kumpulan Wang Rizab Pembangunan Koperasi
3. Kumpulan Wang Rizab Pendidikan Koperasi

Jawapan yang tepat mengikut peruntukan dalam Seksyen 57, Akta Koperasi 1993 adalah seperti yang berikut:

- Bagi koperasi yang memperoleh untung bersih tahun semasa, seksyen ini menghendaki supaya untung bersih ini digunakan terlebih dahulu untuk menghapus kira sepenuhnya kerugian terkumpul sekiranya ada.
- Setelah itu, baki untung bersih yang tinggal diagih kepada pembahagian berkanun.
- Selepas pembahagian berkanun, keuntungan koperasi diperuntukkan kepada pembahagian lain iaitu honorarium, dividen saham dan sebagainya.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif Koperasi Tunas Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. Kebanyakan calon dapat menyediakan penyata pendapatan koperasi dengan format yang betul dan lengkap. Kebanyakan calon dapat menghitung jumlah jualan menggunakan maklumat yang diberikan iaitu, RM324,000. Soalan juga menghendaki calon menghitung nilai inventori awal, belian, dan inventori akhir menggunakan kaedah penilaian inventori MDKD. Kebanyakan calon dapat menghitung inventori awal dan belian yang tepat. Namun begitu, nilai inventori akhir tidak dapat dihitung dengan tepat.

Jawapan sepatutnya untuk kos barang dijual diberi dalam format seperti yang di bawah:

Inventori awal ($500 \times \text{RM}120$): RM60,000

Belian ($1000 \times \text{RM}130$) + ($500 \times \text{RM}150$): RM205,000

(-) Inventori akhir ($500 \times \text{RM}150$)+(300 $\times$ RM130): RM114,000

Selain daripada kelemahan menghitung inventori akhir, calon juga kerap melakukan kesilapan seperti yang berikut:

1. Kegagalan membezakan antara belanja faedah dan hasil faedah, oleh kerana itu item faedah nota belum terima 5% diletakkan di bahagian belanja.
2. Merekodkan belanja penyelidikan dan pembangunan RM63,600 sebagai belanja di penyata pendapatan komprehensif
3. Tidak menghitung pelarasan bagi faedah pinjaman untuk setahun, ini menyebabkan calon hanya mengambil amaun RM6,400 sedangkan faedah pinjaman untuk setahun ialah RM12,800 ($\text{RM}160,000 \times 8\%$).
4. Melaras belanja bagi setahun kewangan, menyebabkan calon merekod angka RM12,000 sebagai belanja insurans untuk tempoh setahun. Pelarasan sebenar untuk belanja insurans sepatutnya untuk 7 bulan sahaja (Jun hingga Disember), iaitu RM7,000 ($\text{RM}12,000 \times 7/12$).

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pengasingan untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 bagi Koperasi Tunas Berhad. Kesalahan utama calon pada bahagian ini ialah tidak mengambilkira rugi terkumpul sebagai item yang perlu ditolak dalam penyata pengasingan.

Majoriti calon membuat agihan berkanun 15% sebagai agihan yang ditolak daripada untung bersih semasa. Kesilapan kedua calon ialah berkaitan zakat. Hampir semua calon hanya mengira zakat dengan kadar 8% sahaja, dan tidak mengambilkira 80% pegangan syer anggota Islam. Peruntukan zakat hanya dikenakan kepada orang Islam saja, maka pengiraan zakat yang betul ialah baki untung bersih selepas agihan berkanun didarab dengan 80% pegangan syer Islam barulah didarab dengan kadar zakat 8%.

Kesalahan calon dalam menentukan untung bersih koperasi yang berjumlah RM130,200 di bahagian (b)(i) telah menyebabkan calon gagal mendapat jawapan yang tepat bagi setiap agihan berkanun, lain-lain agihan dan untung terkumpul akhir yang tepat. Walaupun demikian, markah masih diberikan kepada jalan kerja yang betul berdasarkan kepada perhitungan untung bersih yang salah di bahagian (b)(i). Kesilapan kebanyakan calon ialah tidak menunjukkan jalan kerja kerana jalan kerja menjadi penyelamat kepada calon agar tidak kehilangan lebih banyak markah.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Koperasi Tunas Berhad			
Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023			
		RM	RM
Untung bersih			130,200
Tolak: Kerugian terkumpul	(dilaras ikut Sek 57)		89,250
Untung bersih			40,950
Tolak: Agihan berkanun			
KW rizab berkanun	$(40,950 \times 13\%)$	5,324	
KW rizab pendidikan	$(40,950 \times 1\%)$	410	
KW rizab pembangunan	$(40,950 \times 1\%)$	410	6,144
			34,806
Tolak: lain-lain agihan			
Dividen saham	$(230,000 \times 10\%)$	23,000	
Zakat perniagaan	$(34,806 \times 8\% \times 80\%)$	2,228	25,228
Untung bersih terkumpul			9,578

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menyediakan petikan bahagian liabiliti dan ekuiti pada 31 Disember 2023 untuk Koperasi Tunas Berhad. Kesilapan yang dilakukan bagi kebanyakan calon adalah seperti yang berikut:

1. Walaupun telah dilaporkan dalam laporan terdahulu, namun masih ada sebilangan kecil calon yang tidak menunjukkan jalan kerja untuk rizab berkanun dan lain-lain agihan di penyata pengasingan untung rugi koperasi. Ini menyebabkan calon hilang markah pengiraan kerana calon gagal memberi jawapan untung bersih dengan tepat dan menyebabkan agihan markah jawapan seterusnya terjejas.
2. Tidak meletakkan terma yang tepat, contohnya dividen perlu ditulis sebagai dividen belum bayar untuk liabiliti semasa, dan menggunakan terma keuntungan terkumpul bagi kumpulan wang anggota atau ekuiti bukannya untung tertahan atau pendapatan tertahan.
3. Mengelaskan kumpulan wang rizab pendidikan dan kumpulan wang rizab pembangunan sebagai ekuiti bersama dengan kumpulan wang rizab berkanun.
4. Hanya memberikan jawapan untuk bahagian liabiliti semasa dan ekuiti sahaja, mereka terlepas pandang item liabiliti bukan semasa iaitu baki 80% pinjaman bank adalah untuk jangka masa panjang.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Koperasi Tunas Berhad
Petikan Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023

Liabiliti Semasa	RM
Akaun belum bayar	95,250
Zakat perniagaan	2,228
Dividen belum bayar	23,000
Pinjaman bank	32,000
Kumpulan wang rizab pendidikan	410
Kumpulan wang rizab pembangunan	410
Faedah pinjaman terakru	6,400
Kumpulan wang anggota	
Modal syer anggota	230,000
Kumpulan wang rizab berkanun	5,324
Keuntungan terkumpul	9,578
Liabiliti bukan semasa	
Pinjaman bank	128,000

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan **dua** rekod yang diperlukan bagi menentukan untung atau rugi dalam amalam rekod tak lengkap. Walau pun soalan ini diputuskan sebagai soalan KBAR aras mudah, namun majority calon tidak mendapat markah penuh kerana calon gagal memberikan jawapan seperti yang berikut:

- Buku tunai dan penyata bank
- Rekod aset dan liabiliti
- Senarai penghutang dan pemiutang
- Buku daftar aset, dokumen sumber (invois, resit dan keratan cek dan lain lain dokumen urus niaga)

Majoriti calon adalah memberikan jawapan yang tidak tepat seperti yang berikut:

1. Merekod jualan tunai dan jualan kredit
2. Merekod belian tunai dan belian kredit
3. Hasil dan belanja
4. Penyata pendapatan dan penyata mengira modal akhir
5. Akaun belum terima dan akaun belum bayar.

Jawapan calon membuktikan calon gagal memahami kehendak soalan, iaitu maksud 'rekod' dan 'merekod'. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang berfokuskan dengan kata kerja iaitu merekod.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung jumlah jualan dan belian perniagaan. Majoriti calon dapat menghitung jumlah jualan dan belian kredit dengan tepat menggunakan akaun kawalan. Namun begitu ramai calon tidak dapat menghitung jualan tunai dengan betul.

Merujuk kepada jalan kerja yang dibuat oleh calon menunjukkan jualan berjumlah RM52,000 di akaun bank dianggap 100% adalah jualan tunai, anggapan ini seterusnya membawa kepada pengiraan jumlah jualan yang salah. Nilai jualan sebanyak RM52,000 hanya mewakili 80% dari jumlah jualan tunai sebenar.

- Jumlah jualan tunai yang sebenar ialah RM65,000 ($RM52,000 \times 100/80$)
- Jumlah jualan ialah RM251,550.
- Manakala bagi belian terdapat juga calon menolak ambilan barang niaga bagi mendapatkan jumlah belian sebenar. Jumlah belian sebenar ialah RM107,410.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif perniagaan Encik Lai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. Ketepatan penyediaan penyata pendapatan bergantung kepada perhitungan amaun belian, amaun jualan, amaun belanja susut nilai, pengiraan untung rugi pelupusan, dan pelarasan belanja gaji. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan akhir yang tepat kerana kesilapan yang berikut:

1. Tidak mengambil kira ambilan barang niaga dalam belian.
2. Tidak membuat pelarasan bagi belanja gaji.
3. Silap dalam menghitung belanja susut nilai kerana tidak mengambil kira aset yang dilupuskan.

Kesilapan calon yang tidak menunjukkan jalan kerja penghitungan juga menyebabkan calon kehilangan markah dalam langkah penghitungan. Jawapan untuk mendapat untung bersih RM148,524 ialah seperti yang berikut:

Penyata Pendapatan Encik Lai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023		
	RM	RM
Jualan		251,550
Tolak Kos Jualan		
Inventori awal	3,420	
Belian (107,410 – 5,400)	102,010	
	105,430	
Tolak: Inventori akhir	33,800	71,630
Untung Kasar		179,920
Tolak Belanja:		
Gaji	6,170	
Belanja am dan pentadbiran	10,920	
Sewa bangunan ($7,200 \times 60\%$)	4,320	
Susut nilai kenderaan $[(25,000 - 3,000) \times 10\% \times 6/12]$	1,100	
Susut nilai kelengkapan $[(10,400 + 3,400 - 340) \times 10\%]$	1,346	
Susut nilai komputer ($5200 \times 10\%$)	520	
Rugi pelupusan kenderaan (20,000 – 13,000)	7,000	
Rugi pelupusan kelengkapan (340 – 320)	20	
		31,396
Untung Bersih		148,524

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menghitung jumlah ambilan yang dibuat oleh Encik Lai sepanjang tahun 2023. Bahagian ini dapat dijawab dengan baik oleh kebanyakan calon. Kerja perhitungan yang mudah dan tidak rumit memberi kelebihan kepada calon untuk mendapat markah yang baik.

Jawapan yang sepatutnya untuk jumlah ambilan adalah seperti di bawah:

Butiran	RM
Barang niaga	5,400
Jualan tunai	6,500
Sewa bangunan	2,880
Sewa kenderaan	3,100
Jumlah	17,880

Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan **satu** contoh amalan kawalan dalaman pengurusan tunai. Terdapat sebilangan calon yang tidak memberikan contoh amalan tetapi memberi jawapan jenis-jenis kawalan dalaman tanpa mengaitkannya dengan kawalan pengurusan tunai. Contoh jawapan calon yang tidak tepat ialah meningkatkan kecekapan, kawalan fizikal, penetapan tanggungjawab, dan pengasingan tugas.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Menyimpan tunai dalam peti besi yang berkunci,
- Memastikan setiap pembayaran disokong oleh baucer bayaran yang telah diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab
- Menyediakan penyata penyesuaian bank bagi menyelaraskan baki tunai di bank
- Mendepositkan tunai ke dalam bank setiap hari.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyatakan prinsip kawalan dalaman bagi setiap amalan yang diberikan dalam soalan. Sebahagian besar calon dapat menyatakan sekurang-kurangnya 2 prinsip kawalan dalaman dengan tepat. Namun begitu masih terdapat calon yang tidak menggunakan terma kawalan dalaman yang tepat seperti berikut:

Jawapan calon yang tidak tepat	Jawapan yang sepatutnya
Verifikasi / pengesahan dalaman	Verifikasi dalaman
Penetapan tugas	Penetapan tanggungjawab

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan amalan yang dikenalpasti di (b)(i) yang menyebabkan calon memilih prinsip kawalan bagi amalan tersebut. Kebanyakan calon memberi jawapan prinsip kawalan dalaman yang umum dan bukan menjurus kepada amalan yang terdapat dalam situasi soalan di (b). Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

Bil	(b)(i) Prinsip kawalan dalaman	(b)(ii) Penjelasan bagi prinsip kawalan dalaman
1	Penetapan tanggungjawab/kelulusan	Hanya pegawai yang diberi kuasa sahaja yang boleh memberi kelulusan bagi belian bahan
2	Verifikasi dalaman	Pihak pengurusan perlu mengesahkan rekod inventori dengan kiraan inventori secara fizikal
3	Verifikasi dalaman	Pegawai/penyelia akaun perlu memastikan buku tunai yang disediakan kerani diselaraskan dengan penyata bank setiap bulan

4	Kawalan mekanikal dan elektronik	Menggunakan kad perakam waktu bagi memastikan jam bekerja dapat disahkan
5	Dokumentasi	Setiap urusan niaga mesti disokong dengan dokumen yang bersalinan
6	Pusingan tugas/ penetapan tanggungjawab	Seseorang kakitangan tidak sepatutnya bertugas di sesebuah jabatan dalam tempoh masa yang lama
7	Pengasingan tugas/ penetapan tanggungjawab	Sesuatu tugas tidak boleh dilakukan oleh kakitangan yang sama dari awal hingga akhir
8	Verifikasi dalaman	Pihak pengurusan perlu memastikan terdapat pengesahan rekod perakaunan secara berkala
9	Pusingan tugas	Seseorang kakitangan tidak sepatutnya bertugas di sebuah jabatan dalam tempoh masa yang lama
10	Kawalan fizikal	Memastikan keselamatan tunai dengan menyimpannya di bank

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menyediakan jurnal pelarasan selepas akaun penamat disediakan. Kebanyakan calon masih menggunakan akaun norminal dalam menyediakan catatan jurnal mereka. Calon tidak memahami jurnal pelarasan yang diminta adalah pelarasan selepas penutupan akaun penyata pendapatan, maka butiran akaun pada catatan bergu mestilah diletakkan atas nama “penyata pendapatan / akaun untung rugi” sahaja bukannya nama-nama akaun seperti yang terdapat dalam penyata pendapatan. Berikut adalah contoh jawapan calon yang tidak diterima oleh skima:

Bil	Jawapan tidak tepat yang diberi calon	Jawapan yang sepatutnya
1	Dt. Jualan RM3,500 Kt. Akaun belum terima RM3,500	Dt. Penyata Pendapatan RM3,500 Kt. Akaun belum terima RM3,500
2	Dt. Belian RM4,700 Kt. Inventori RM4,700	Dt. Penyata Pendapatan RM4,700 Kt. Inventori RM4,700
3	Dt. Akaun belum bayar RM2,000 Kt. Belian RM2,000	Dt. Akaun belum bayar RM2,000 Kt. Penyata Pendapatan RM2,000
4	Dt. Caj bank RM200 Kt. Bank RM200	Dt. Penyata pendapatan RM200 Kt. Bank RM200
5	Dt. Bank RM1,059 Kt. Hasil faedah RM1,059	Dt. Bank RM1,059 Kt. Penyata Pendaptan RM1,059

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menyediakan memberikan **empat** cadangan untuk mengatasi kelemahan kawalan dalaman di(c)(i). Kelemahan calon ialah memberikan jawapan secara umum, dan tidak mengaitkannya dengan situasi yang diberi dalam soalan serta diluar konteks prinsip kawalan dalaman. Jawapan yang sepatutnya ialah:

1. Verifikasi dalaman – Kerani perlu menyemak transaksi yang melibatkan penerimaan tunai.
2. Kelulusan – Perekodan inventori perlu diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.
3. Verifikasi dalaman – Pegawai yang dilantik perlu mengesahkan penerimaan inventori sebelum merekod.
4. Dokumentasi – Inventori direkod berdasarkan dokumen sokongan (nota serahan).
5. Penetapan tanggungjawab – Pemberian kuasa dan tanggungjawab perlu diberi kepada seorang pegawai yang berauthoriti.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 1 674 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 74.97% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	9.03	7.88	11.61	10.17	12.64	13.30	10.34	5.80	3.25	4.63	11.35

RESPONS CALON

KERTAS 948/2 (PERAKAUNAN KEWANGAN)

Komen am

Berdasarkan jawapan calon, terdapat calon berprestasi cemerlang, sederhana dan lemah. Calon yang cemerlang menjawab soalan dengan sangat baik. Jawapan mereka disusun secara sistematik, teratur, kemas, dan semua jalan pengiraan ditunjukkan dengan jelas. Jawapan bagi soalan kualitatif juga baik dan tepat. Calon sederhana pula dapat memberikan jawapan yang baik tetapi mereka agak cuai dalam penggunaan operasi dan juga penggunaan rumus yang betul. Terdapat juga kesilapan mudah seperti pelabelan unit jawapan berkaitan dengan RM dan bukan RM. Calon yang lemah tidak menjawab soalan dengan baik. Calon yang lemah tidak merancang jawapan mereka agar lebih tersusun. Terdapat juga calon yang tidak menjawab empat soalan seperti yang dikehendaki, hanya menjawab tiga soalan sahaja. Calon yang lemah juga tidak menunjukkan jalan pengiraan yang lengkap dan memilih untuk mengabaikan soalan kualitatif.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon mengenal pasti kos overhead perkilangan dan kos overhead bukan perkilangan bagi syarikat pengeluar kereta. Terdapat calon yang tidak dapat membezakan kos overhead perkilangan dengan kos prima. Ini adalah kerana terdapat calon yang memberikan jawapan kos bahan mentah dan kos buruh langsung sebagai contoh kos overhead perkilangan. Namun begitu, calon dapat mengenal pasti kos overhead bukan perkilangan dengan baik. Kesilapan calon apabila memberi jawapan adalah seperti yang berikut:

Jawapan calon bagi kos overhead perkilangan	Alasan jawapan tidak diterima	Jawapan yang sepatutnya
Gaji penyelia	Tidak menyatakan perkataan kilang	Gaji penyelia kilang
Belanja penyelia kilang	Perkataan belanja merujuk kos tempoh	Gaji penyelia kilang
Belanja susut nilai kenderaan	Tidak dinyatakan kenderaan kilang	Belanja susut nilai kenderaan kilang
Belanja jualan dan pentadbiran	Tiada perincian belanja	Komisen jualan atau belanja gaji pejabat
Gaji pengurus	Tidak jelas untuk pejabat atau kilang	Gaji pengurus syarikat
Gaji penyelia	Tidak jelas untuk pejabat atau kilang	Gaji penyelia pejabat

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan **dua** dokumen sumber yang digunakan dalam merekod bahan mentah langsung. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dokumen nota permintaan bahan berserta penjelasan yang tepat. Namun begitu, ramai calon tidak dapat memberi jawapan tepat seperti yang dikehendaki seperti yang berikut:

1. Pesanan belian bertujuan membuat pesanan belian bahan mentah kepada pembekal.
2. Nota penerimaan/nota serahan bertujuan untuk memastikan kuantiti bahan yang diterima adalah sama dengan pesanan yang telah dibuat.
3. Nota Debit bertujuan untuk menambah kos belian yang terkurang catat pada invois yang telah dikeluarkan.
4. Nota Kredit bertujuan untuk memaklumkan pelanggan tentang belian yang telah dibuat oleh mereka dikurangkan kerana berlaku pulangan bahan mentah.

Kebanyakan calon yang memberikan jawapan seperti lembaran kos kerja dan penyata kos pengeluaran tidak diterima. Kedua-dua jawapan yang dinyatakan bukan dokumen sumber seperti yang dikehendaki oleh soalan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menghitung (i) kadar aktiviti pemasangan, pesanan pelanggan, dan pemprosesan pesanan, (ii) kos overhead perkilangan yang diperuntukkan kepada produk M, N dan O dengan menggunakan sistem pengekosan berasaskan aktiviti, (iii) kadar overhead perkilangan dengan menggunakan pengekosan tradisi berasaskan jam mesin, dan (iv) kos overhead perkilangan yang diperuntukkan kepada produk M, N, dan O menggunakan kadar jam mesin yang telah dihitung di (c)(iii). Kebanyakan calon dapat menghitung dan menunjukkan jalan kerja penghitungan yang baik dan tepat seperti jawapan yang berikut:

(c) (i)

Aktiviti	Kos overhead	Jumlah jangkaan aktiviti	Kadar aktiviti
Pemasangan	30,000	40	750
Pesanan	9,750	25	390
Pemprosesan	150,000	6,000	25

(ii)

Aktiviti	Kadar aktiviti	M		N		O	
		Bil. Pemacu	Kos	Bil. Pemacu	Kos	Bil. Pemacu	Kos
Pemasangan	750	14	10,500	20	15,000	6	4,500
Pesanan pelanggan	390	8	3,120	7	2,730	10	3,900
Pemprosesan pesanan	25	3,000	75,000	1500	37,500	1500	37,500
			88,620		55,230		45,900

(iii) Kadar overhead = $\frac{30,000 + 9,750 + 150,000}{6000 \text{ jam mesin}}$
= RM31.625*

(iv)

	POHR	M		N		O	
		Jam mesin	Kos	Jam mesin	Kos	Jam mesin	Kos
Overhed	31.625*	3,000	94,875	1,500	47,437.50	1,500	47,437.50

*RM31.625 atau RM31.63 atau RM31.60 diterima sebagai jawapan.

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan **tiga** ciri perniagaan yang menggunakan pengekoskan perkhidmatan. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang tepat. Namun begitu, masih ada calon memberikan jawapan yang tidak boleh diterima seperti yang berikut:

1. Penghitungan kos selepas setiap perkhidmatan telah dilaksanakan.
2. Kos terdiri daripada kos tersedia dan kos pengendalian.
3. Tiada kos barang dijual.
4. Perniagaan mempunyai kos buruh langsung dan kos overhead perkilangan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Perkhidmatan tidak boleh diinventorikan.
2. Sukar untuk menentukan unit kos perkhidmatan.
3. Komponen kos terdiri daripada kos buruh sebagai kos utama.
4. Perkhidmatan yang dikeluarkan berupa mudah lupus.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung kadar overhead pratentu menggunakan asas kos buruh profesional. Sewajarnya calon mesti menggunakan peratusan atau nisbah bagi memberi jawapan kadar pratentu yang berasaskan kos sebagai angka bawah. Namun begitu terdapat sebilangan kecil calon telah menghitung kadar overhead dengan tepat, tetapi memberikan jawapan dalam ukuran RM2 sejam buruh. Calon sepatutnya memberikan jawapan dalam ukuran tepat, iaitu 200% atau 2.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menghitung jumlah kos perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan kos overhead yang tepat, namun calon masih mendapat markah untuk item kos profesional yang diberikan. Jawapan yang dikehendaki dengan kos overhead serapan ialah seperti yang berikut:

Kategori buruh	Jumlah kos perkhidmatan	
Penolong jurutera	$\text{RM}20 \times 25 \text{ jam}$	RM500
Jurutera eksekutif	$\text{RM}60 \times 100 \text{ jam}$	RM6,000
Jurutera kanan	$\text{RM}140 \times 15 \text{ jam}$	RM2,100
		RM8,600
Kos overhead	$\text{RM}8,600 \times 2$	RM17,200
Jumlah kos perkhidmatan		RM25,800

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menghitung harga perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat memberikan jawapan akhir yang tepat, iaitu RM39,100.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon membina persamaan kos pengeluaran menggunakan kaedah tinggi rendah. Kebanyakan calon dapat menentukan kos berubah seunit dan jumlah kos tetap iaitu RM20 seunit dan RM250,000. Namun kesilapan yang dilakukan oleh calon tidak memberikan rumus persamaan seperti yang berikut:

$$\text{Jumlah kos} = \text{RM}250,000 + \text{RM}20 \times \text{unit pengeluaran.}$$

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menghitung anggaran jumlah kos pengeluaran syarikat menggunakan unit keluaran 55,000 bagi bulan Julai. Jawapan yang dikehendaki ialah RM1,350,000.

Soalan bahagian (c)(iii) menghendaki calon menghitung purata kos bagi seunit jamu ramping bagi bulan Mei, bulan Jun dan bulan Julai 2022 dan menjelaskan perbezaan purata kos bulanan tersebut. Kebanyakan calon membuat huraian berkaitan dengan purata kos mengikut bulan. Sepatutnya perbandingan dibuat berdasarkan unit pengeluaran, iaitu apabila unit pengeluaran meningkat, purata kos menurun kerana kos tetap seunit meningkat.

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan **tiga** andaian analisis kos-volum-untung. Majoriti calon kurang teliti dalam memberikan andaian KVV. Contoh jawapan yang tidak diterima ialah tiada inventori, semua kos yang terlibat ialah kos berubah dan kos tetap, harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap adalah konsistan, semua keluaran akan dijual, dan kos berubah adalah malar. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Harga jualan adalah tetap
2. Kos boleh diasingkan kepada kos berubah dan kos tetap
3. Jumlah kos tetap adalah malar pada setiap tahap aktiviti
4. Kos berubah seunit adalah malar pada setiap tahap aktiviti
5. Unit yang dikeluarkan adalah sama dengan unit yang dijual

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung titik pulang modal (TPM) dalam unit, margin keselamatan dalam unit, dan untung sasaran bagi tahun semasa dan tahun hadapan. Masih terdapat calon yang membuat kesilapan memberikan jawapan dalam titik perpuluhan bagi TPM. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

(b)(i)	Tahun semasa	Tahun Hadapan
1. TPM	1380 unit	1783 unit
2. Margin Keselamatan	4620 unit	6017 unit
3. Untung	RM670,000	RM776,200

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon memberikan ulasan kepada pihak pengurusan berkaitan dengan cadangan untuk meningkatkan unit jualan pada tahun hadapan berdasarkan penghitungan calon di (b)(i) untuk titik pulang modal dalam unit, margin keselamatan dalam unit dan untung sasaran bagi tahun semasa dan tahun hadapan. Majoriti calon tidak dapat membuat ulasan mengenai titik pulang modal dengan tepat. Seterusnya calon juga gagal menjelaskan kaitan TPM dengan margin keselamatan dan untung bersih. Calon sepatutnya memberikan jawapan berdasarkan TPM, margin keselamatan, untung sasaran dan jawapan keseluruhan seperti yang berikut:

- TPM tahun hadapan meningkat, maka syarikat akan mendapat pulangan modal yang lebih lewat/lama berbanding dengan tahun semasa.
- Margin keselamatan tahun hadapan meningkat, maka risiko perniagaan mendapat kerugian adalah lebih rendah berbanding dengan tahun semasa.
- Untung bersih tahun hadapan meningkat, maka ini menunjukkan prestasi syarikat yang lebih baik berbanding dengan tahun semasa.
- Oleh itu cadangan meningkatkan unit jualan ini patut dilaksanakan.

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menghitung belanja pengiklanan yang boleh dibelanjakan pada tahun hadapan dengan mengekalkan untung tahun tersebut, berdasarkan jawapan calon di (b)(i) (3), iaitu untung sebanyak RM776,200. Soalan merupakan soalan yang sukar bagi kebanyakan calon perlu menghitung kos tetap terlebih dahulu dan menentukan perbezaan kos tetap bagi mencari belanja pengiklanan seperti jawapan yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{RM776,200} &= (\text{RM289} - \text{RM140})7,800 \text{ unit} - (\text{RM230,000} - \text{Belanja pengiklanan}) \\ \text{Belanja pengiklanan} &= \text{RM156,000} \end{aligned}$$

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghitung harga jualan produk yang diberikan menggunakan pendekatan serapan. Kebanyakan calon tidak memahami arahan, iaitu asas serapan kos overhead perkilangan tetap ialah separuh daripada jumlah kos perkilangan berubah. Calon sepatutnya menghitung jumlah kos perkilangan berubah dan menyerap 50% daripada keseluruhan jumlah kos perkilangan berubah sebagai kos overhead perkilangan tetap. Setelah itu, barulah penetapan harga jualan dihitung pada 25% tokokan atas kos. Kebanyakan jawapan calon menentukan kos overhead perkilangan tetap dengan hanya mengambil kira 50% jumlah kos overhead perkilangan berubah. Kesilapan dalam memahami arahan ini telah menyebabkan calon gagal mendapat jawapan sepatutnya bagi penentuan harga seperti yang berikut:

Teh berperisa	Limau	Oren	Pudina
Bahan dan buruh langsung	RM18	RM25	RM22
Kos overhed berubah	RM5	RM5	RM5
Jumlah kos perkilangan berubah	RM23	RM30	RM27
Kos overhed tetap (50% × RM23)(50% × RM30) (50% × RM27)	RM11.50	RM15	RM13.50
Jumlah kos perkilangan	RM34.50	RM45	RM40.5
Harga Jualan (Jumlah kos perkilangan × 125%)	RM43.13	RM56.25	RM50.63

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghitung harga jualan produk yang diberikan menggunakan pendekatan marginal dan menggunakan penetapan harga jualan pada kos marginal yang dihitung pada 25% tokokan atas kos. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat, berbanding dengan penentuan harga menggunakan pendekatan serapan. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan harga jualan pendekatan marginal bagi perisa limau, perisa oren dan perisa pudina dengan tepat, iaitu masing-masing pada harga RM28.75, RM37.50 dan RM33.75.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menghitung dan menentukan harga jualan minuman yang boleh ditawarkan bagi teh perisa limau dan teh perisa pudina. Maklumat soalan menyatakan situasi apabila menerima tempahan akan menyebabkan pengurangan margin sumbangan sebanyak RM2,000. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak maklumat ini. Oleh yang demikian tiada seorang calon pun yang mendapat markah penuh bagi bahagian ini. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Teh berperisa	Limau	Pudina
Kos berubah	RM23	RM27
Kos melepasi (RM2,000/1,000 unit)	RM2	RM2
Jumlah kos dan harga tawaran minimum	RM25	RM29

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon membuat keputusan sama ada tempahan ini patut diterima atau tidak berdasarkan jawapan calon di (c)(i). Kebanyakan calon memberikan fokus jawapan kepada margin caruman yang hilang, iaitu RM2,000. Kehendak soalan di (c)(i) ialah memberikan tumpuan kepada harga jualan minimum yang perlu ditawarkan. Maka jawapan di (c)(ii) sepatutnya memberikan tumpuan kepada harga tawaran dan harga minimum teh berperisa tersebut. Jawapan sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Syarikat sepatutnya menolak tempahan khas bagi teh perisa limau kerana harga tawaran, iaitu RM24.00 sebungkus adalah lebih rendah daripada harga minimum, iaitu RM25.00 sebungkus. Bagi teh perisa pudina boleh diterima kerana harga tawaran ialah RM30.00 sebungkus, iaitu melebihi daripada harga minimum RM29.00 sebungkus.

Soalan bahagian (c)(iii) menghendaki calon memberikan dua faktor kualitatif sekiranya tempahan teh berperisa itu diterima. Kesilapan kebanyakan calon adalah dengan memberikan jawapan di luar situasi yang diberi oleh soalan dan terlalu umum. Jawapan yang lebih menjurus kepada situasi sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Potensi untuk mendapat pasaran baharu bagi syarikat.
2. Kesan tanggungjawab sosial menjadi beban kerja kepada pekerja.
3. Diskriminasi harga, iaitu reaksi pelanggan sedia ada.

Soalan 5

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menjelaskan prestasi analisis varians yang diberi dalam pernyataan soalan, di mana situasi analisis varians ialah varians harga memuaskan, varians penggunaan bahan tidak memuaskan, dan jumlah varians bahan mentah langsung juga tidak memuaskan. Oleh kerana bahagian ini ialah soalan kualitatif, maka jawapan kebanyakan calon sangat lemah dan menyebabkan mereka kehilangan markah. Namun begitu, masih ada calon cemerlang yang dapat memberikan jawapan tepat seperti yang berikut:

- Varians harga bahan mentah langsung memuaskan kerana kemungkinan harga bahan mentah di pasaran lebih rendah kerana berlaku penawaran bahan mentah yang berlebihan.
- Varians penggunaan bahan mentah langsung tidak memuaskan kerana kemungkinan kualiti bahan mentah yang rendah menyebabkan kuantiti bahan mentah langsung yang digunakan lebih banyak berbanding dengan bahan mentah langsung yang dibenarkan.
- Jumlah varians bahan mentah langsung tidak memuaskan kerana penjimatan kos belian bahan mentah langsung adalah lebih rendah berbanding dengan lebih kos daripada penggunaan bahan mentah langsung.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung pelbagai varians yang dikehendaki dan menentukan komponen yang terdapat dalam varians yang dinyatakan. Soalan bahagian (b)(i)(1) menghendaki calon menghitung varians harga bahan. Hampir kesemua calon yang menjawab soalan ini, dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu RM5,050(M). Namun begitu, masih terdapat ramai calon yang menghitung harga bahan mentah seunit terlebih dahulu, jawapan calon akan berbeza sedikit kerana nilai perpuluhan yang berbeza, jawapan RM5,060(M) masih boleh diterima. Soalan bahagian (b)(i)(2) menghendaki calon menghitung kadar buruh piawai. Soalan telah memberikan jumlah varians kadar sebanyak RM400 TM. Maka calon sepatutnya menentukan kadar piawai buruh menggunakan rumus varians kadar buruh langsung seperti yang berikut:

Varians kadar buruh langsung = Jam sebenar (kadar piawai – kadar sebenar)

$$RM400 \text{ TM} = (12,400 \text{ jam} \times \text{kadar piawai}) - RM62,400$$

$$(12,400 \text{ jam} \times \text{kadar piawai}) = RM62,400 - RM400$$

$$\text{Kadar piawai} = \frac{RM62,000}{12,400 \text{ jam}}$$

$$\text{Kadar piawai} = RM5$$

Soalan bahagian (b)(i)(3) menghendaki calon menghitung varians kecekapan buruh, sama seperti (b)(1) kebanyakan calon dapat menghitung varians dengan tepat dan memberikan jawapan RM500(M) bagi varians kecekapan buruh. Soalan bahagian (b)(i)(4) menghendaki calon menghitung varians kos overhead perkilangan berubah sebenar. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu RM26,000. Soalan bahagian (b)(i)(5) menghendaki calon menghitung varians kecekapan overhead perkilangan berubah. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu RM200(M).

Soalan bahagian (b)(i)(6) menghendaki calon menghitung varians volum overhead tetap. Soalan ini memerlukan kemahiran berfikir tahap tinggi. Oleh kerana soalan telah memberikan angka overhead tetap dibelanjawankan sebanyak RM43,750, maka calon tidak perlu lagi menghitung overhead tetap

dibelanjawankan (kadar pratentu X jam buruh dibelanjawan). Hanya sebilangan kecil sahaja calon menunjukkan jalan penghitungan yang sepatutnya seperti yang berikut:

Varians volum OH tetap = Kadar pratentu (jam buruh dibelanjawan – jam buruh dibenarkan)

Varians volum OH tetap = RM43,750 – (RM3.50 × 12,500)

Varians volum OH tetap = Tiada varians

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menentukan overhead perkilangan berubah dan overhead perkilangan tetap sama ada terlebih atau terkurang serap. Majoriti calon dapat menghitung overhead perkilangan berubah dan overhead perkilangan tetap sama ada terlebih atau terkurang serap dengan tepat. Terdapat juga calon yang menggabungkan jawapan overhead perkilangan berubah dan overhead perkilangan tetap sama ada terlebih atau terkurang serap. Jawapan gabungan tidak diterima kerana overhead ini ditentukan secara berasingan seperti yang berikut:

Overhed berubah perkilangan = Overhed diserap – Overhed sebenar
= (RM2 × 12,400 jam) – RM26,000
= Overhed kurang serap RM1,200

Overhed tetap perkilangan = Overhed diserap – Overhed sebenar
= (RM3.5 × 12,400 jam) – RM41,800
= Overhed lebih serap RM1,600

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 1 650 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 77.94% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	16.00	5.33	11.58	4.36	17.21	9.27	14.19	3.87	6.00	2.55	9.64

RESPONS CALON

Komen am

Mutu jawapan calon secara keseluruhan adalah sederhana. Hal yang demikian kerana kebanyakan calon berupaya untuk menjawab soalan kuantitatif sahaja dengan baik. Bagi soalan kualitatif, kebanyakan calon kurang berupaya untuk memberikan penjelasan dengan tepat dan jelas seperti penerangan yang terlalu umum dan fakta yang tidak sepadan dengan huraian. Selain itu, terdapat juga calon yang memberikan tumpuan kepada soalan kuantitatif sahaja menyebabkan soalan kualitatif tidak dijawab.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon untuk memberikan huraian bagaimana penyediaan belanjawan induk dan belanjawan fleksibel membantu perancangan dan kawalan dalam sesebuah organisasi. Majoriti calon tidak mendapat markah penuh kerana calon hanya menerangkan fungsi belanjawan untuk membantu perancangan. Dari segi kawalan pula, kebanyakan calon hanya memberikan contoh atau memberikan jawapan secara umum sahaja. Kebanyakan jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Jawapan calon	Masalah Jawapan Calon
(i) Membantu perancangan - Menentukan objektif atau matlamat perniagaan - Menentukan kos-kos dan tingkat pengeluaran - Membandingkan kos dan hasil belanjawan dengan kos dan hasil sebenar (ii) Membantu kawalan - Kawal kos dan tingkat pengeluaran dengan berkesan	Jawapan calon hanya cenderung kepada contoh atau umum sahaja. Jawapan seperti ini tidak menggambarkan fungsi kawalan dengan jelas.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

(i) Perancangan

- Menentukan matlamat atau objektif organisasi yang ingin dicapai.
- Menentukan sumber yang diperlukan.
- Menentukan tingkat pengeluaran.
- Menentukan kos atau perbelanjaan.

(ii) Kawalan

- Perbandingan antara hasil dan kos sebenar dengan hasil dan kos yang dianggarkan dapat dibuat.
- Pembuatan keputusan untuk mengambil tindakan penambahbaikan kerana punca perbezaan antara hasil dan kos sebenar dengan hasil dan kos yang dianggarkan dapat dikenal pasti.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan laporan belanjawan fleksibel berserta dengan ulasan. Kebanyakan calon dapat menyediakan dengan format yang tepat. Calon juga dapat menunjukkan varians dengan huraian (memuaskan) atau (tidak memuaskan) yang tepat. Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir calon yang:

- Tidak menghitung varians jumlah kos
- Menggunakan simbol – bagi item yang tiada varians.
- Menyediakan laporan tanpa varians atau perbezaan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Sweet Cookies Sdn. Bhd.
Laporan Prestasi Belanjawan Fleksibel Bagi bulan berakhir 31 Mei 2023

	Belanjawan (RM)	Sebenar (RM)	Varians (RM)
<i>Kos Berubah:</i>			2,000 (M)
Buruh tak langsung	30,000	28,000	1,200 (TM)
Bahan tak langsung	15,000	16,200	200 (M)
Penyelenggaraan	3,000	2,800	100 (M)
Utiliti	1,800	1,700	1,100 (M)
Jumlah	49,800	48,700	
<i>Kos Tetap:</i>			
Penyelia	1,200	1,440	240 (TM)
Insurans	400	400	0
Cukai pintu	600	600	0
Susut nilai	1,800	1,860	60 (TM)
Jumlah	4,000	4,300	300 (TM)
Jumlah kos	53,800	53,000	800 (M)

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan cadangan penambahbaikan pengeluaran produk kepada pihak pengurusan. Terdapat calon yang memberikan jawapan dengan tidak memfokuskan item yang tidak memuaskan (TM) dalam laporan. Contoh jawapan yang salah adalah seperti yang berikut:

Jawapan Calon	Masalah Jawapan Calon
(i) Membekalkan latihan kepada pekerja (ii) Menggunakan teknologi yang canggih (iii) Membeli mesin baharu	Jawapan yang diberi bukan cadangan penambahbaikan tetapi sebaliknya meningkatkan kos kepada perniagaan

Jawapan cadangan penambahbaikan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Penggunaan bahan tak langsung yang lebih efektif perlu dibuat oleh pekerja.
- Penetapan semula gaji penyelia yang mengambil kira jumlah tanggungjawab yang ditetapkan kepadanya.
- Semakan semula kaedah pengiraan anggaran belanja susut nilai.
- Belian bahan mentah secara pukal supaya mendapat harga yang murah atau Penukaran pembekal yang membekalkan bahan pada harga yang lebih murah.
- Mengelakkan pembaziran penggunaan bahan mentah dengan penggunaan bahan mentah yang optimum atau penyeliaan yang lebih ketat.
- Kawalan kos overhead tetap/kos tetap.

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan kelemahan perniagaan perkongsian berbanding syarikat dari aspek perundangan kepada pemilik dan dari aspek pemilikan harta kepada organisasi. Hampir semua calon tidak boleh menjawab soalan ini dengan tepat atau hanya menyatakan fakta bagi perniagaan perkongsian tanpa membuat perbandingan dengan syarikat.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Perundangan
 - Tindakan undang-undang bagi perkongsian adalah ke atas individu rakan kongsi manakala tindakan undang-undang bagi syarikat diambil ke atas entiti perniagaan.
- (ii) Pemilikan Harta
 - Harta perniagaan perkongsian boleh diambil alih atau dimiliki oleh rakan kongsi manakala harta perniagaan syarikat tidak boleh diambil alih atau dimiliki oleh pemegang syer.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pengasingan untung rugi. Kebanyakan calon boleh menyediakan penyata pengasingan untung rugi menggunakan format yang tepat. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon lemah dalam membuat penghitungan. Antara kesilapan yang dibuat oleh calon ialah:

- Faedah atas ambilan dihitung tanpa mengambil kira tempoh:
 - Aria : $4\% \times 4,000 = 1,600$
 - Chuen : $4\% \times 5,000 = 2,000$
 - Thivan : $4\% \times (3,000 + 6,000) = 3,600$

- Faedah atas modal dihitung tanpa mengambil kira nisbah modal awal kepada setiap rakan kongsi:
 - Aria : $5\% \times 500,000 = 25,000$
 - Chuen : $5\% \times 500,000 = 25,000$
 - Thivan : $5\% \times 500,000 = 25,000$

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Perkongasian ACT Smart Konsultan
Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi Sembilan bulan berakhir 30 September 2023

Untung Bersih	73,200			
	Aria	Chuen	Thivan	Jumlah
Faedah atas modal ($2/5 \times 500\,000 \times 5\% \times 9/12$) ($1/5 \times 500\,000 \times 5\% \times 9/12$)	7,500	7,500	3,750	18,750
Faedah atas ambilan ($4\% \times 4,000 \times 6/12$) ($4\% \times 5,000 \times 6/12$) ($4\% \times 3,000 \times 9/12$)	(80)	(100)	(90)	(270)
Gaji ($9 \times 1,200$)	10,800	10,800		21,600
Akaun semasa: $2/5 \times 33,120$ $1/5 \times 33,120$	13,248	13,248	6,624	33,120
Jumlah	31,468	31,468	10,284	

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan akaun semasa dan akaun modal. Kebanyakan calon berupaya menyediakan akaun dalam bentuk “T” yang melibatkan ketiga-tiga rakan kongsi dan memindahkan angka daripada Penyata Pengasingan Untung Rugi ke Akaun Semasa dengan tepat. Terdapat segelintir calon yang membuat kesilapan seperti yang berikut:

- Tidak memasukkan ambilan ke dalam Akaun Semasa.
- Butiran Pengasingan Untung Rugi dinyatakan sebagai Pembahagian Untung Rugi.
- Gaji tidak dipindahkan ke Akaun Semasa daripada Penyata Pengasingan Untung Rugi.
- Meletakkan baki h/b di dalam Akaun Semasa.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Akaun Semasa

	Aria	Chuen	Thivan		Aria	Chuen	Thivan
Faedah atas ambilan	80	100	90	Faedah atas modal	7,500	7,500	3,750
Ambilan	4,000	5,000	3,000	Gaji	10,800	10,800	
Gaji/Ambilan	10,800	10,800		Pengasingan Untung Rugi	13,248	13,248	6,624

Akaun modal	22,668	15,648	7,284	Faedah atas pinjaman	6,000		
	37,548	31,548	10,374		37,548	31,548	10,374

Akaun Modal

	Aria	Chuen	Thivan		Aria	Chuen	Thivan
Muhibah	50,000		25,000	Baki b/b	200,000	200,000	100,000
Kenderaan		150,000		Akaun semasa	22,668	15,648	7,284
Pinjaman		140,648		Muhibah	30,000	30,000	15,000
Baki b/b	202,668		97,284				
	252,668	245,648	122,284		252,668	254,648	122,284

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon mengenal pasti kesan urus niaga ke atas satu nisbah yang diberi. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat bagi soalan ini. Namun begitu, terdapat sebilangan kecil calon yang hanya menyatakan satu nisbah bagi semua urus niaga yang diberi. Ini menunjukkan bahawa calon tidak memahami kehendak soalan yang memerlukan calon mengenal pasti satu nisbah yang akan terkesan dengan setiap urus niaga yang dinyatakan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Urus niaga	Nisbah yang mengalami perubahan
Membayar akaun belum bayar sebanyak RM125,000.	Nisbah cepat/ Nisbah semasa/ Nisbah hutang aset/ Pulangan atas aset
Menjual sekuriti boleh pasar pada kos sebanyak RM80,000.	Tiada nisbah yang mengalami perubahan
Membeli peralatan bernilai RM150,000 dengan menerbitkan nota belum bayar 6%.	Nisbah hutang atas aset/ Pulangan atas aset/ Nisbah semasa/ Nisbah cepat
Membeli inventori secara tunai sebanyak RM200,000.	Nisbah cepat/ Pusing ganti inventori
Menerima pembayaran daripada akaun belum terima sebanyak RM85,000.	Pusing ganti belum terima

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihail **dua** kepentingan penyata aliran tunai kepada sesebuah perniagaan. Hanya sebilangan kecil calon yang dapat memperihailkan dua kepentingan penyata aliran tunai dengan tepat. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang tidak tepat seperti yang berikut:

- mengawal aliran tunai
- merancang aliran tunai masa depan

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Menunjukkan aliran tunai masuk dan keluar tunai bagi satu tempoh perakaunan.
- Meneliti sebab berlakunya perbezaan pendapatan bersih dengan tunai yang dijana.
- Mengukur kemampuan sesebuah entiti perniagaan membayar dividen.
- Mengukur kemampuan sesebuah entiti perniagaan menjelaskan obligasi mereka.
- Memahami sebab-sebab berlakunya perubahan aset dan liabiliti dalam satu tempoh perakaunan dengan mengkaji urus niaga pelaburan dan pembiayaan.
- Menilai keupayaan entiti perniagaan untuk menjana tunai.
- Menilai struktur kewangan termasuk kecairan dan kemampuan untuk bayar balik hutang.
- Menilai perubahan dalam aset bersih perniagaan/entiti.
- Menilai aliran tunai masa depan

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan **tiga** pengkelasan aktiviti penting dalam penyata aliran tunai dengan satu contoh bagi setiap aktiviti tersebut. Majoriti calon boleh menyatakan ketiga-tiga aktiviti bersertakan dengan contoh yang tepat. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon kurang berupaya untuk menjelaskan ketiga-tiga aktiviti dengan tepat. Contoh jawapan yang tidak tepat adalah seperti yang berikut:

- Aliran tunai daripada aktiviti operasi
 - Pembayaran untuk aktiviti beli inventori.
 - Pembayaran cukai.
- Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan
 - Membeli aset.
 - Menjual pelaburan,
- Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan
 - Membuat pinjaman
 - Menerbitkan syer

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Tunai daripada Aktiviti Operasi
 - Melaporkan penerimaan tunai dan pembayaran tunai daripada aktiviti operasi seperti membeli inventori, membayar belanja operasi, dan lain-lain.
- Tunai daripada Aktiviti Pelaburan
 - Melaporkan penerimaan tunai dan pembayaran tunai yang berkaitan dengan aset bukan semasa dan pelaburan seperti jual beli aset.
- Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan
 - Melaporkan penerimaan tunai dan pembayaran tunai berkaitan dengan aktiviti liabiliti dan ekuiti pemilik seperti pembayaran dividen dan bayar balik pinjaman.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon untuk menyediakan penyata aliran tunai menggunakan kaedah langsung. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat bagi soalan ini. Terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan oleh segelintir calon seperti yang berikut:

- tidak menulis RM '000 bagi angka jawapan.
- tidak menunjukkan jalan kerja pengiraan.
- keliru sama ada aktiviti merupakan aktiviti penerimaan atau pembayaran tunai.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Syarikat Niaga Sari Berhad Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2024		
	RM('000)	RM('000)
Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi:		
Penerimaan daripada Pelanggan (500 + 1,000 – 520)	980	
Pembayaran kepada Pembekal (590 + [650 + 770 – 750] – 615)	(645)	
Pembayaran Belanja Jualan dan Am	(100)	
Pembayaran Belanja Faedah (50 + 10 – 20)	(40)	
Pembayaran Belanja Cukai (40 + 300 – 310)	(30)	
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		165
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan:		
Belian Aset Bukan Semasa (550 + 100 – 500)	(150)	
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan		(150)
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan:		
Perolehan Pinjaman (350 – 300)	50	
Pembayaran Dividen (100 + 60 – 130)	(30)	
Pembayaran Nota Belum Bayar (100 – 75)	(25)	
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan		(5)
Peningkatan Aliran Tunai Bersih		10
Baki Awal Tunai		50
Baki Akhir Tunai		60

LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM** 2024



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)